

Menjejaki Seni Warisan Tarian Asyik Menerusi Kaedah Sejarah**Lisan: Tari Asyik Tari Diraja**

Haziana Hanafi
Nur Azwani Muhamat Laila
Wan Satirah Wan Mohd Saman
Nurussobah Hussin

**Fakulti Pengurusan Maklumat,
UiTM Kampus Puncak Perdana**

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Tarian Asyik adalah salah satu seni tarian tradisional yang berasal dari negeri Kelantan. Walaubagaimanapun tarian Asyik kurang mendapat tempat di persada warisan seni tarian di Malaysia. Dalam seni tarian Asyik terdapat beberapa elemen penting yang menjadikan tarian ini berbeza dengan tarian lain. Elemen tersebut termasuklah teknik tarian Asyik, alat muzik yang dimainkan dalam sesuatu persembahan tarian Asyik serta busana pemakaian tarian Asyik. Kajian ini bertujuan untuk mendalami sejarah serta latar belakang mengenai seni tarian Asyik. Dapatan kajian ini adalah hasil daripada wawancara sejarah lisan bersama Puan Rohana binti Mohamed yang merupakan seorang guru tarian yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang seni tarian.

Kata Kunci: Tarian Asyik, tarian tradisional negeri Kelantan, seni tari, seni warisan, tarian Diraja.

Pengenalan

Menurut Kamus Dewan, dari istilah bahasa tarian ialah pergerakan tubuh badan serta tangan dan juga kaki yang berbentuk irama dan haruslah mengikut rentak. Manakala tafsiran ahli sejarah pula mendefinisikan seni tari sebagai gerakan yang berirama. Terdapat istilah lain bagi seni tarian iaitu tarian boleh didefinisikan juga sebagai seni lakon yang mempunyai ciri-ciri kebudayaan serta merangkumi unsur kesenian. Tarian dapat diluahkan melalui semua jenis teknik yang menggambarkan perasaan dan jiwa manusia. Tarian juga mempunyai ciri-ciri kebudayaan yang melambangkan

kebudayaan hidup masyarakat. Di negara Malaysia, terdapat pelbagai jenis tarian yang berbentuk tradisional mahupun kontemporari. Tarian tradisional biasanya terdiri daripada beberapa jenis tarian yang berbentuk etnik dan juga tarian dari negeri Kelantan seperti tarian Asyik.

Tarian Asyik merupakan tarian yang berbentuk tradisional. Banyak tarian tradisional yang semakin di telan zaman, tetapi masih ada sesetengah tarian yang ditarikan di dalam acara-acara kesenian. Pada era globalisasi ini, kemasukan tarian jenis kontemporari dari negara barat semakin menular dalam kalangan masyarakat Malaysia dan amat digemari oleh golongan anak muda abad ini. Tarian Asyik merupakan satu seni tarian yang berasal dari negeri Kelantan dan merupakan satu perkara yang tidak asing bagi masyarakat Kelantan terutamanya yang masih mempraktikkan seni tarian asyik pada masa kini.

Pada asalnya tarian ini dipersembahkan di istana Raja-Raja Kelantan. Manakala, barisan penarinya adalah dari kalangan dayang-dayang istana. Pada hari perkahwinan iaitu malam berinai pengantin, tarian Asyik akan dipersembahkan oleh para penari yang telah dilatih sekian lama. Tarian Asyik bukan sahaja dipersembahkan pada hari perkahwinan tetapi pada zaman sekarang tarian Asyik turut dipersembahkan pada hari temasya negeri dan negara. Menurut sejarah Hikayat Pattani, Raja Kuning iaitu Raja Perempuan yang memerintah Pattani pada tahun 1644 ada menyimpan dua belas penari istana yang pandai menyanyi dan menari. Raja-raja Kelantan akan memilih para penari yang mereka minati untuk dijadikan sebagai penari dalam persembahan tarian Asyik. Para penari mestilah mempunyai ciri-ciri seorang penari iaitu bersifat lemah lembut. Oleh itu, tarian ini amat bersesuaian dengan gerak-geri yang bersifat lemah lembut dan penuh dengan ketertiban sehingga tarian ini dinamakan Asyik. Perkataan Asyik memberi maksud kekasih.

Siti Zainon Ismail (1980) menjelaskan kewujudan seni tarian telah bermula sejak zaman pra sejarah lagi. Tarian Asyik ini merupakan tarian yang bersifat peniruan langsung terhadap gerak alam. Salah satu seni tarian yang wujud pada zaman pra sejarah ialah "Tarian Asyik".

Sejarah Dan Perkembangan Seni Tarian Asyik

Tarian Asyik merupakan satu seni tarian kebudayaan yang mempunyai dua belas orang penari yang terdiri daripada dayang-dayang istana yang mempunyai kelebihan dalam menari dan juga menyanyi. Tarian Asyik merupakan satu tarian yang mempunyai gerak-geri yang bersifat lemah lembut dan penuh dengan ketertiban. Sejarah penubuhan seni tarian Asyik bermula dari zaman pra sejarah iaitu satu tarian yang bersifat peniruan langsung terhadap gerak alam. Tarian Asyik ini adalah sejenis tarian klasik atau lebih dikenali sebagai tarian tradisional di negeri Kelantan yang telah wujud berabad zaman di negeri Kelantan.

Pada asalnya tarian ini dipersembahkan di istana Raja-Raja Kelantan oleh penari-penari atau dayang-dayang istana. Sejarah asal usul tarian Asyik ini adalah daripada kisah seorang raja Kelantan yang kecewa dan sedih atas kehilangan burung kesayangannya yang telah dipelihara olehnya sekian lama. Oleh kerana raja Kelantan itu amat menyayangi burung peliharaannya yang telah hilang, beliau telah memerintah orang kanannya serta dayang-dayang di istana agar mencipta satu tarian yang seolah-olah menyerupai gerak-geri burung kesayangannya itu bagi mengubat kerinduannya terhadap burungnya. Sekitar tahun 1683, tarian Asyik telah dibawa ke Kelantan iaitu di Jembal. Ketika itu, Jembal berada di bawah penguasaan Raja Loyar. Raja tersebut mempunyai seorang puteri yang bernama Puteri Saadong. Tarian Asyik merupakan persembahan yang sangat disukai oleh Puteri Saadong. Ketika itu, tarian Asyik lebih dikenali sebagai gerak jinjang raja yang merujuk kepada pergerakan lemah gemalai.

Pada tahun 1784, telah berlaku peralihan kuasa kerajaan Kota Kubas Labu namun tarian Asyik tetap berkembang semasa pemerintahan Long Yunus. Apabila putera baginda iaitu Sultan Muhammad 1 menaiki takhta, baginda telah membawa seorang guru tari iaitu Siti Mas dan suaminya dari Kota Kemal, Pattani bagi mengajar tarian Asyik di istana. Ketika itu, tarian Asyik ditarikan oleh seorang penari sahaja dengan iringan muzik asli iaitu rebab. Berdasarkan sejarah kemunculannya, tarian Asyik membuktikan bahawa tarian istana ini benar-benar menjadi milik mutlak institusi beraja satu

ketika dahulu. Tarian Asyik ini berasal dari Pattani yang pada zaman dahulu tarian ini merupakan tarian yang sangat terkenal di negeri Kelantan.

Cara persembahan tarian asyik

Persembahan tarian Asyik merupakan satu persembahan yang penuh dengan ketertiban dan kelembutan. Persembahan tarian Asyik dapat memukau sesiapa sahaja yang menyaksikannya. Cara persembahan yang direka khususnya kepada raja-raja Kelantan ini dicipta oleh dayang-dayang raja untuk menghiburkan hati raja mereka. Ketertiban dan kelembutan amat bersesuaian dengan tarian Asyik yang penuh dengan lemah gemalai dan penuh keasyikkan. Berpandukan kepada guru tarian Asyik iaitu Rohana Mohamed (2018), tarian Asyik ini dipersembahkan dengan mulanya sepuluh orang ataupun dua belas penari masuk ke dewan ataupun pentas. Tarian akan dimulakan dengan para penari masuk setelah muzik untuk memulakan tarian dimainkan lalu mereka akan duduk bersimpuh dengan tertibnya. Selang beberapa minit Puteri Asyik akan masuk lalu menyembah raja dan semua penari juga ikut menari bersama.

Tarian ini ditarikan dengan rentak perlahan dan gemalai dengan setiap pergerakan mempunyai maksud tersendiri. Setiap gerakan tarian Asyik dilakukan mengikut gambaran semula jadi seperti membayangkan haiwan dan persekitarannya, gambaran alunan desiran air ombak dilaut, burung-burung berterbangan, ikan berenang serta gajah berarak. Bahagian utama tarian Asyik ini bermula dari duduk bersimpuh dengan mengerakkan bahu ke kanan dan ke kiri seperti membayangkan haiwan dan persekitarannya. Tarian juga ditarikan dengan penuh keasyikkan seperti menggambarkan alunan desiran ombak yang penuh bergerak. Selepas beberapa minit duduk bersimpuh, para penari akan bangun dan menari. Para penari akan menari dengan mengerakkan jari jemari ke kanan dan ke kiri dengan penuh kelembutan dan lemah gemalai seperti burung melayang.

Selang beberapa minit selepas melakukan gerakan alunan ombak, para penari akan bertukar posisi. Pada saat ini, muzik akan dimainkan dengan rancaknya di mana para penari di bahagian kanan akan ke kiri dan penari di bahagian kiri akan ke kanan. Kali ini tarian ditarikan mengikut gerak

ikan berenang tetapi menggunakan juga jari jemari dengan penuh kelembutan. Selain itu, kebiasaannya, tarian Asyik akan ditarikan dalam masa sepuluh hingga lima belas minit. Pada akhir persembahan para penari akan menari mengikut gerakan alunan ombak lalu menyembah raja sebelum keluar dari dewan atau pentas. Gerakan keluar dari dewan akan ditarikan mengikut gambaran seperti gajah berarak. Para penari akan keluar setelah muzik khas untuk keluar dewan dimainkan. Mereka akan keluar dari dewan dengan penuh ketertiban dan teratur.

Para penari mestilah membuat persiapan terlebih dahulu dengan memakai busana tarian Asyik dengan lengkap sebelum memulakan persembahan. (Rajah 1) menunjukkan para penari berpakaian lengkap tarian Asyik.



Rajah 1: Busana lengkap tarian Asyik

Para penari akan memulakan tarian mereka dengan langkah pertama iaitu menyembah raja-raja. (Rajah 2) merupakan cara menyembah raja-raja dalam seni tarian Asyik.



Rajah 2: Cara menyembah raja-raja

Lenggok gemalai yang mempunyai keunikan dan lemah-lembut serta penuh ketertiban juga merupakan salah satu langkah dalam persembahan tarian Asyik. (Rajah 3) menunjukkan penari yang mempunyai jari jemari yang penuh dengan kelembutan.



Rajah 3: Penari Tarian Asyik

Seni muzik asyik

Menurut Zainal Abidin (1980), muzik pada umumnya bererti lagu, irama, bunyi-bunyian, pancaragam, ataupun tanji. Merujuk kepada aspek persembahan kesenian tradisional Melayu, perkataan muzik tidak pernah tercatat dalam sebarang sumber tradisi, terutama dari sudut sastera lisan. Pemahaman paling asas dapat dikutip dalam teks Sastera Tradisi Melayu seperti Sejarah Melayu, Hikayat HangTuah, Misa Melayu, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Aceh, Tuhat UI-Nafis dan Salasilah Melayu Bugis yang mencatat sejarah dan kisah raja-raja Melayu. Pada zaman kesultanan dahulu alat muzik adalah sesuatu yang mesti ada di dalam istana. Hal ini kerana muzik istana digunakan untuk mengesah kekuasaan raja atau sultan.

Oleh hal yang demikian, alat muzik telah dianggap sesuatu yang suci atau alat suci. Seni muzik pada zaman dahulu kaya dengan pelbagai elemen tradisi istana ini dan mempunyai keunikan dan amat tinggi nilainya. Terdapat kepentingan lain yang dapat diperolehi hasil daripada seni muzik selain daripada mendapat hiburan, seni muzik juga menjadi simbol terpenting kepada sistem sosial dan politik institusi beraja melalui aplikasi upacara istiadat dan adat diraja. Bunyi muzik tradisional Asyik terdiri daripada hanya tiga alat muzik iaitu Gedombak Asyik, Rebab dan juga Gambang. Selain itu, tarian Asyik juga menggunakan sebelas buah gendang jenis lain untuk membuat pesembahan.

Menurut Puan Rohana (2018), iaitu tokoh yang telah kami temubual, ia menceritakan bahawa alat muzik seni tarian asyik merupakan satu perkara yang sangat penting dalam sesebuah persembahan, tanpa alat muzik persembahan tarian Asyik tidak akan sempurna. Serunai, gendang anak, gong dan juga rebana kercing juga merupakan alat muzik yang digunakan dalam tarian asyik. Selalunya alat muzik ini diperbuat daripada besi dan juga tembaga. Selain itu, Puan Rohana juga menceritakan alat muzik yang digunakan dalam sesuatu persembahan yang mereka persembahkan akan menggunakan peralatan muzik yang telah disewa dan juga yang telah dibuat sendiri oleh mereka.

Gedombak Asyik (Rajah 4) merupakan sejenis alat muzik dalam keluarga gendang yang memiliki bingkai kayu dan bertutup dengan belulang. Pada biasanya dimainkan dalam keadaan duduk, dengan gedombak Asyik diletakkan di bawah ketiak. Ia dimainkan secara memalu secara langsung menggunakan tangan ataupun ia akan dipalu menggunakan tangan. Selain itu, Gedombak Asyik ini juga berkebolehan untuk berdiri secara menegak iaitu dengan bahagian yang berkulit yang kebiasaannya diperolehi dari kulit kambing dan ia dipalu dengan menggunakan kedua-dua belah jari tangan.



Rajah 4: Gedombak Asyik

Seterusnya, alat muzik kedua ialah rebab (Rajah 5). Rebab merupakan alat muzik yang sangat dominan dengan kayu nangka. Rebab akan mengeluarkan bunyi irama yang sangat merdu hasil daripada geseran tali ke atas tiga tali halus yang memanjang daripada atas kepala sehingga ke perut rebab. Pada masa lalu, rebab akan menggunakan tali yang diperbuat daripada serat sabut kelapa manakala pada zaman sekarang iaitu zaman yang lebih moden ini kebanyakan rebab akan menggunakan tali nilon bagi menggantikan tali serat sabut kelapa. Unik dan menariknya rebab merupakan alat muzik utama sejak awal persembahannya tarian Asyik diadakan dengan diiringi lagu menyembah raja.



Rajah 5: Rebab

Manakala alat muzik yang ketiga ialah gambang (Rajah 6). Alat muzik gambang mula dikenali di negeri Terengganu. Oleh itu, alat muzik gambang semakin berkembang dengan meluas jayanya di negeri Terengganu pada awal abad ke-19. Hal ini terjadi disebabkan oleh hubungan baik antara raja Pahang, Terengganu dengan pusat Kerajaan Melayu Johor-Riau pada masa itu. Alat muzik ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri iaitu diketuk dan dipukul dengan menggunakan alat gangsa sehingga menghasilkan bunyi yang sangat indah.



Rajah 6: Gambang

Pemakaian busana tarian asyik

Menurut Azhar Abdul Latif, 100 tahun selepas kejatuhan kebudayaan Melayu Patani, Tengku Temenggung Abdul Ghaffar telah menjadi penaung kepada kebudayaan Melayu Kelantan. Beliau telah menaikan semula kebudayaan bangsa seperti tarian Asyik, tarian Mak Yong dan Menora. Beliau telah membuat beberapa perubahan rupa busana termasuk menggunakan emas pada mahkota dan pakaian tarian untuk kelihatan lebih mewah, menarik serta sekaligus mengangkat kembali taraf tarian ini menjadi tarian diraja di istana Kelantan. Tarian Asyik merupakan tarian paling lama memegang dan berstatus tarian diraja atau istana serta dijaga rapi oleh istana Kelantan dari zaman kegemilangan Istana Patani. Tarian ini hanya untuk tatapan golongan diraja sahaja. Namun akhirnya tarian Asyik diperkenan oleh Sultan Kelantan untuk dibawa keluar daripada istana atas permintaan perdana menteri pertama Malaysia iaitu Tengku Abdul Rahman.

Ismail Bakti, "choreographer" ataupun guru tari diraja istana Kelantan dan anak beliau iaitu Mohamed Tharuwat atau dikenali sebagai "Pak Tharuwat" merupakan susuk penting dalam kesinambungan tarian ini di bumi Malaysia. Menurut beliau pada awalnya cara pemakaian busana Asyik di Kelantan hanyalah berkemban. Atas dasar statusnya diraja busana ini turut dipakaikan dengan perhiasan gubahan istana Kelantan yang paling terbaik. Antaranya *pemeleh* berukir berbatu permata, *dokoh*, tali pinggang *berpending* berukir bertakhta batu permata, bersunting mala di telinga. Kesemuanya diperbuat dari emas tulen berukir halus hasil kerja tangan bermutu tinggi pengukir perhiasan terbaik Kelantan. Selain itu, *canggoi* yang merupakan kuku palsu yang panjang melentik dipakai pada jari. Penggunaan kain tekstil sutera songket tenunan asli negeri juga digunakan dalam busana Asyik.

Pada tahun 1990, pakaian gubahan Menora beruncing diterima pakai untuk tarian Asyik bagi menggantikan cara pemakaian berkemban. Pemakaiannya pada masa itu menyerupai pemakaian tarian Mak Yong iaitu kain sarung serta berbaju pendek dan juga mempunyai satu kain yang panjang yang akan digantung pada bahu dan akan dilepaskan ke pinggang penari. Pada bahagian pinggang penari pula akan dipakaikan *pending* iaitu sejenis tali pinggang. Manakala Puteri Asyik pula haruslah memakai *canggar*

di sanggulnya bagi membezakan dengan para penari. Ramai orang berpendapat dan mengatakan bahawa antara banyak-banyak busana tarian di istana Kelantan pada masa itu, busana tarian Asyik paling gemilang, mewah dan anggun dan sudah tentulah mengasyikkan di mata pada saat itu.

Kepentingan tarian asyik dalam masyarakat masa kini

Seni warisan budaya tradisional kian pupus pada zaman sekarang. Budaya dan tradisional bersesuaian dengan amalan dan cara hidup pelbagai kaum di negara Malaysia. Budaya dan tradisional ini termasuklah pakaian, makanan, seni, adat resam sesuatu kaum dan lain-lain. Peredaran zaman dan tamadun sesuatu bangsa selalunya dapat dilihat pada warisan seni budayanya. Warisan budaya ini harus dikekalkan kerana mempunyai identiti tersendiri. Tanpa disedari warisan seni kebudayaan juga mempunyai peranannya yang tersendiri dalam kehidupan masyarakat. Sama seperti seni tarian seperti tarian Asyik juga mempunyai peranan yang tersendiri dalam kehidupan masyarakat.

Antaranya adalah tarian Asyik dijadikan sebagai aktiviti riadah masyarakat Malaysia di waktu lapang. Masyarakat memang gemar akan aktiviti beriadah jika ada waktu kelapangan. Mereka akan mengisi masa lapang mereka dengan aktiviti beriadah yang mempunyai manfaat. Bukan itu saja, masyarakat yang tinggal di kampung juga gemar dengan aktiviti-aktiviti riadah yang memberi manfaat kepada mereka antaranya seperti tarian, silat, muzik dan lain-lain lagi. Hal ini membolehkan mereka mempelajari dan mendalami sesuatu tarian bukan sahaja untuk tujuan keriangannya sebaliknya mengisi masa lapang selain menjalin hubungan sesama mereka. Kedua, tarian Asyik dapat memupuk bakat dan minat dalam jangka masa panjang supaya memiliki ciri insan yang memiliki seni dan budaya, mempunyai citarasa seni yang tinggi dan kreatif. Sebagai manfaatnya hal ini dapat menjadikan murid-murid lebih berkekrativiti bagi melahirkan insan pelajar yang celik dalam bidang seni dan kebudayaan.

Ketiga, melalui tarian Asyik masyarakat Malaysia dapat dibentuk melalui identiti bangsa mereka yang mempunyai keunikan yang tersendiri.

Hal ini kerana tarian Asyik memiliki keunikan identiti yang tersendiri dan telah menjadikan masyarakat Malaysia sebagai salah sebuah masyarakat di dunia yang mempunyai kepelbagaian amalan dan aktiviti seni dan kebudayaan. Justeru, hal ini menjadikan seni dan budaya sebagai simbol keagungan negara di mata dunia sebagai sebuah negara multikultural yang disanjung tinggi serta dihormati. Terakhir, tarian Asyik dapat menyambung kesinambungan tamadun masyarakat Malaysia. Melalui budaya tradisional seperti tarian Asyik masyarakat dapat mengetahui dan mengetahui asal usul tamadun Negara ini. Dengan ini, masyarakat tidak akan pernah lupa daratan. Sebaliknya, masyarakat selalu akan sedar tentang kesulitan hidup nenek moyang mereka di dulu kala. Malahan, generasi yang akan datang juga dapat manfaatnya dengan wujudnya kesinambungan seni warisan dan tamadun negara ini.

Kesimpulan

Tuntasnya, terdapat pelbagai tarian tradisional di negara Malaysia. Oleh itu, kesenian dan keunikan tarian perlulah dijaga sebaik mungkin supaya generasi yang akan datang dapat mempelajari malah mengenali seni tarian dengan lebih mendalam. Pada masa yang sama, seni tarian juga tidak akan dilupakan oleh masyarakat akan datang kerana seni warisan menunjukkan budaya dan identiti sesebuah masyarakat. Generasi muda juga dapat mengetahui setiap tarian negeri yang antaranya tarian Asyik yang berasal dari negeri Kelantan. Seni tarian Asyik dapat ditarikan oleh generasi muda tanpa rasa malu agar ia tidak ditelan zaman dan dapat memartbatkan nama negara di mata dunia. Oleh hal yang demikian seni jiwa bangsa dapat dihayati kerana bak kata pepatah "tak kenal maka tak cinta".

Tambahan pula, tarian Asyik ini membuktikan bahawa tarian istana ini benar-benar menjadi milik mutlak institusi beraja satu ketika dahulu terutama sekali di negeri Kelantan. Negeri Kelantan sangat menitikberatkan tarian diraja kerana ia merupakan satu tarian yang penting dan terkenal di negeri Kelantan pada zaman dahulu. Tambahan pula, tarian Asyik ini adalah berasal daripada seorang raja Kelantan yang memerintah orang kanan istananya

agar membentuk satu tarian yang mempunyai bentuk yang menyerupai dan menyamai gerak-geri burung peliharaannya yang telah hilang. Selain itu, tarian Asyik ini hanya boleh ditonton oleh golongan dan kerabat diraja sahaja sehingga terbuhtilah tarian ini adalah merupakan tarian yang mempunyai keunggulan kedaulatan raja-raja. Hal ini demikian membuktikan dan mengukuhkan lagi kekuasaan, kebesaran dan keagungan golongan diraja.

Akhir sekali, diharapkan masyarakat Malaysia terutama golongan muda lebih mengenali seni tarian Asyik dan mempelajari budaya seni tarian Asyik supaya tidak pupus akan peredaran zaman. Hal demikian seni tarian ini semakin berkembang ke serata dunia kerana seni tarian Asyik ini merupakan satu warisan yang harus dihargai dan dikekalkan budayanya supaya golongan-golongan muda dapat mengetahui apa itu seni tarian Asyik.

Glosari

Canggar- Sejenis mahkota yang dipakai pada zaman pemerintahan diraja.

Canggoi –Sejenis kuku besi dipakai oleh penari.

Dokoh -Loket daripada emas yang berupa kepingan lebar dan berhias permata (berbentuk bundar atau bulan sabit

Gambang -Alat musik pukul tradisional (bagian dari perangkat gamelan) yang dibuat dari bilah-bilah kayu (16—25 bilah) yang panjang dan besarnya tidak sama, dimainkan dengan alat pukul.

Gamelan -Alat muzik membranofon seperti gendang, idiofon berbentuk bilah dan pencon, arofon seperti seruling, dan kordofon seperti rebab dan zither.

Pemeleh - Hiasan berupa kain baju yang mahal harganya atau berupa barang-barang.

Pending -Perhiasan yang dibuat daripada emas berkerawang yang dipakai di dada atau di pinggang.

Rujukan

Abdul Latiff, A. B. (n.d.). SENI MUZIK DALAM INSTITUSI RAJA MELAYU:.
Retrieved November 27, 2018, from
[https://www.scribd.com/doc/29391151/SENI-MUZIK-DALAM
INSTITUSI- RAJA-MELAYU](https://www.scribd.com/doc/29391151/SENI-MUZIK-DALAM-
INSTITUSI-RAJA-MELAYU)

JKKN. (n.d.). Retrieved December 1, 2018, from
<http://www.jkkn.gov.my/en/tarian-asyik>

Rohana Binti Mohamed, Personal Temubual, Oktober 14, 2018.